

## **EPMB JANGKA PENDAPATAN LEBIH RM100 JUTA PADA 2013 SEKIRANYA**

PETALING JAYA, 29 Jun (Bernama) -- Sekiranya cadangan pengambilalihan Maju Expressway Sdn Bhd (MEX) menjadi kenyataan, EP Manufacturing Bhd (EPMB), menjangkakan pendapatan melebihi RM100 juta pada 2013, kata Pengerusi Eksekutifnya, Hamidon Abdullah.

"Kami menjangka aliran trafik mencatatkan pertumbuhan sederhana lima peratus setiap tahun," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Agung Tahunan EPMB, di sini, hari ini.

Hamidon berkata EPMB, pengeluar komponen dan sistem automotif berharap janji niaga itu berjaya, kerana syarikat itu telah menjalankan kajian terperinci tetapi memahami bahawa terdapat isu-isu dasar yang perlu ditangani.

"Kami adalah pembeli yang bersedia dan Pengerusi Eksekutif Maju Group Group Tan Sri Datuk Seri Abu Sahid Mohamed, penjual yang bersedia," katanya.

Beliau berkata oleh kerana pembelian itu melengkapkan perniagaan teras pembuatan bahagian-bahagian dan komponen automotif EPMB, kedua-dua perniagaan mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan kenderaan di pasaran tempatan.

Hamidon berkata perniagaan automotif akan terus kekal sebagai perniagaan teras syarikat.

Sementara itu, keputusan suku pertama 2012 EPMB menunjukkan kumpulan itu mencatatkan keuntungan bersih RM8.7 juta, dan pendapatan sesaham berada pada 5.45 sen.

-- BERNAMA